



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

JANUARI 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian memulih kepada 4.3 peratus pada Januari 2024, didorong oleh pengembangan dalam kesemua sektor

PUTRAJAYA, 12 Mac 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian memulih kepada 4.3 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024 didorong oleh pengembangan dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Januari 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “IPP memulih kepada 4.3 peratus pada Januari 2024 selepas merekodkan sedikit penurunan 0.03 peratus pada Disember 2023, iaitu pertumbuhan tertinggi dicatatkan sejak Mei 2023. Peningkatan ini diterajui oleh lonjakan 3.7 peratus dalam sektor Pembuatan berbanding negatif 1.4 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Tambahan lagi, sektor Perlombongan mengekalkan aliran menaik dengan mencatatkan 5.0 peratus (Disember 2023: 4.1%) manakala sektor Elektrik berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 8.3 peratus (Disember 2023: 4.1%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP meningkat 2.0 peratus berbanding negatif 1.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Pemulihan 3.7 peratus dalam sektor Pembuatan pada Januari 2024 dipacu oleh prestasi kukuh industri berorientasikan domestik yang meningkat kepada 8.0 peratus (Disember 2023: 4.2%), sementara industri berorientasikan eksport kembali kepada pertumbuhan positif 1.6 peratus selepas berada dalam jajaran negatif selama tujuh bulan berturut-turut (Disember 2023: -4.1%). Pengembangan dalam industri berorientasikan domestik didorong terutamanya oleh pertumbuhan dua digit dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler yang mencatatkan peningkatan 12.1 peratus; diikuti oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan pada 11.9 peratus. Selain itu, Pembuatan produk proses makanan turut menyumbang dengan kadar pertumbuhan 8.5 peratus. Berbanding dengan bulan sebelumnya,

industri berorientasikan domestik kembali meningkat kepada 4.9 peratus berbanding penurunan 1.1 peratus pada Disember 2023.

Prestasi pengeluaran yang memberangsangkan dalam industri berorientasikan eksport disokong terutamanya oleh peningkatan dalam Pembuatan produk getah (8.5%); Pembuatan produk plastik (7.5%); dan Pembuatan kimia & produk kimia (6.1%). Tambahan lagi, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal juga kembali kepada pertumbuhan positif pada 0.4 peratus, berbanding dengan penurunan 7.2 peratus pada bulan sebelumnya. Pemulihan tersebut selari dengan trajektori menaik yang dilihat dalam industri semikonduktor global pada bulan berkenaan seperti yang dilaporkan oleh *The Semiconductor Industry Association (SIA)*. Pengembangan tahun ke tahun ini selari dengan prestasi eksport negara yang memulih kepada 8.7 peratus pada Januari 2024, selepas merosot sejak Mac 2023. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat marginal 0.2 peratus (Disember 2023: -3.3%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Peningkatan pengeluaran dalam sektor Perlombongan pada Januari 2024 adalah didorong oleh pengembangan 6.6 peratus dalam pengeluaran Gas Asli (Disember 2023: 5.9%) dan 2.6 peratus dalam pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat (Disember 2023: 1.6%). Berbanding Disember 2023, indeks Perlombongan meningkat 3.1 peratus berbanding 2.8 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.”

Penjanaan Elektrik terus meningkat kepada 8.3 peratus pada Januari 2024 selepas mencatatkan peningkatan 4.1 peratus pada bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik tumbuh 2.0 peratus daripada 1.4 peratus yang direkodkan pada Disember 2023.

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara lain melonjak pada Januari 2024, termasuk Singapura, Vietnam, Korea Selatan, dan Taiwan, dengan pertumbuhan marginal direkodkan di Amerika Syarikat. Sebaliknya, walaupun IPP Jepun dan Thailand mengalami penurunan, penyusutan tersebut adalah kurang ketara, menunjukkan negatif yang kecil.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Januari 2023 - Januari 2024**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Januari 2023 - Januari 2024**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Disember 2023 dan Januari 2024**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Januari 2023 - Januari 2024



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Disember 2023 dan Januari 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Disember 2023 dan Januari 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 MAC 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA

JANUARY 2024

The Industrial Production Index rebounded to 4.3 per cent in January 2024, spurred by expansion in all sectors

PUTRAJAYA, 12 March 2024 - The Industrial Production Index rebounded to 4.3 per cent year-on-year in January 2024, spurred by expansion in all sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, January 2024**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The IPI rebounded to 4.3 per cent in January 2024 after recording a slight drop of 0.03 per cent in December 2023, marking the highest growth registered since May 2023. The increase was spearheaded by a surge of 3.7 per cent in the Manufacturing sector as compared to the negative 1.4 per cent recorded in the previous month. Additionally, the Mining sector sustained its upward trend by registering 5.0 per cent (December 2023: 4.1%) while the Electricity sector accelerated at a faster pace of 8.3 per cent (December 2023: 4.1%). In comparison with the preceding month, the IPI improved by 2.0 per cent as against the negative 1.3 per cent recorded in the previous month."

The Chief Statistician further commented, "The turnaround of 3.7 per cent in the Manufacturing sector in January 2024 was driven by the vibrant performance of domestic-oriented industries which picked up to 8.0 per cent (December 2023: 4.2%), while export-oriented industries returned to positive growth of 1.6 per cent after seven consecutive months in negative territory (December 2023: -4.1%). The expansion in domestic-oriented was primarily reinforced by a double-digit growth in the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers which registered an increase of 12.1 per cent, followed by the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment at 11.9 per cent. In addition, the Manufacture of food processing products also contributed with a growth rate of 8.5 per cent. In comparison with the preceding month, the domestic-oriented industries turned upward to 4.9 per cent as opposed to the decline of 1.1 per cent in December 2023.

The favourable output performance in the export-oriented industries was mainly attributable to the increase in the Manufacture of rubber products (8.5%); Manufacture of plastics products (7.5%); and the Manufacture of chemicals & chemical products (6.1%). Additionally, the Manufacture of computers, electronic & optical products also returned to positive growth at 0.4 per cent, contrasting with the previous month's decline of 7.2 per cent. The turnaround aligned with the upward trajectory observed in the global semiconductor industry for the month as reported by The Semiconductor Industry Association (SIA). This year-on-year expansion mirrored the country's export performance, which rebounded to 8.7 per cent in January 2024, after contracting since March 2023. In a month-on-month comparison, the export-oriented industries grew marginally by 0.2 per cent (December 2023: -3.3%)."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "The uptick in production of the Mining sector in January 2024 was induced by a 6.6 per cent expansion in Natural Gas production (December 2023: 5.9%) and 2.6 per cent in the Crude Oil & Condensate output (December 2023: 1.6%). As compared to December 2023, the Mining index accelerated by 3.1 per cent as against 2.8 per cent registered in the previous month."

The generation of Electricity advanced further by 8.3 per cent in January 2024 after registering an increase of 4.1 per cent in the preceding month. In comparison to the previous month, the Electricity index increased to 2.0 per cent from 1.4 per cent recorded in December 2023.

On a global scale, the IPI for several other countries surged in January 2024, including Singapore, Vietnam, South Korea, and Taiwan, with marginal growth seen in the United States. Conversely, while Japan and Thailand experienced a decline in their IPI, the decrease was less pronounced, showing a small negative.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".


The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
January 2023 – January 2024**




**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
January 2023 – January 2024**




**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
December 2023 and January 2024**




**Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries,
Malaysia, January 2023 – January 2024**



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
December 2023 and January 2024**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
December 2023 and January 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 MARCH 2024**